

# Demokrasi tetap subur dalam Pilihan Raya Kampus

UM 23.10.13 26

KOTA KINABALU 22

Okt. - Keputusan  
Kementerian

Pendidikan memberi kebebasan kepada pusat pengajian tinggi menentukan sendiri tarikh Pilihan Raya Kampus (PRK) sesi 2013/2014 mendapat sokongan penuh barisan kepimpinan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UMS, Mohd. Juhar Harun berkata, keputusan kementerian itu adalah wajar kerana universiti lebih tahu tentang aktiviti di dalam kampus dan mampu menentukan tarikh PRK yang lebih sesuai.

“Lebih baik universiti sendiri diberikan kuasa dalam menentukan perkara-perkara yang melibatkan PRK. Justeru, diharap universiti dapat menjalankan PRK dengan lebih telus dan adil,” katanya di sini hari ini.

Tambahnya, keputusan tersebut membolehkan pihak universiti melakukan persiapan dengan lebih lancar bagi menjayakan PRK kali ini.